

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGECEUALIAN DUTI IMPORT DAN CUKAI JUALAN KE ATAS PERALATAN STUDIO DAN PRODUKSI PENGGAMBARAN YANG DIUMUMKAN DALAM BELANJAWAN 2023 MALAYSIA MADANI

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kriteria dan prosedur permohonan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan kepada penyedia peralatan studio dan perkhidmatan produksi penggambaran termasuk pasca produksi untuk mendapat pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan studio dan produksi penggambaran.
- 1.2 Seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2023 Malaysia Madani, pengecualian duti import dan cukai jualan ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penggiat industri tempatan mencipta kandungan kreatif yang lebih berkualiti tinggi untuk pasaran domestik dan antarabangsa serta menarik penerbit filem luar negara menjalankan aktiviti penggambaran di Malaysia.

2. KRITERIA PERMOHONAN

2.1 Kelayakan Pemohon

Penyedia peralatan studio dan perkhidmatan produksi penggambaran termasuk pasca produksi yang layak memohon pengecualian duti import dan cukai jualan hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- (a) Syarikat tempatan yang merupakan pemegang lesen di bawah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bagi mana-mana lesen berikut:
 - (i) Lesen Pengedaran Filem;
 - (ii) Lesen Pengedaran Video;
 - (iii) Lesen Pengeluaran Filem; atau
 - (iv) Lesen Pengeluaran Video
- (b) Syarikat tempatan yang membeli dan mengimport peralatan studio dan produksi penggambaran termasuk pasca produksi, secara terus daripada syarikat luar negara atau melalui agen pembekal yang dilantik;
- (c) Badan Berkanun Kerajaan yang terlibat dalam industri kreatif yang membuat pembelian peralatan studio dan produksi penggambaran termasuk pasca produksi; dan
- (d) Syarikat tempatan yang menyediakan perkhidmatan penyewaan ke atas peralatan studio dan perkhidmatan produksi termasuk pasca produksi.

2.2 Peralatan Yang Dikecualikan Duti Import & Cukai Jualan

Peralatan yang layak dipohon pengecualian duti import dan cukai jualan adalah peralatan studio dan produksi penggambaran (dikilangkan dalam negara atau diimport) yang digunakan secara langsung dalam penyediaan peralatan studio dan produksi penggambaran termasuk pasca produksi.

2.3 Peruntukan Pengecualian Duti Import & Cukai Jualan

Pengecualian duti import dan cukai jualan adalah berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 14(2) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 35(3)(a) Akta Cukai Jualan 2018. Surat pengecualian duti import dan cukai jualan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan kepada penyedia peralatan studio dan produksi penggambaran yang membuat permohonan pengecualian dan layak dipertimbangkan.

3. PROSEDUR PERMOHONAN

3.1 Permohonan pengecualian duti import dan cukai jualan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui surat rasmi syarikat dengan menyertakan bersama maklumat lengkap mengenai peralatan yang dipohon melalui format seperti di **Lampiran A**.

3.2 Permohonan pengecualian duti import dan cukai jualan boleh dibuat dalam tempoh mulai **1 April 2023 hingga 31 Mac 2026**.

3.3 Permohonan yang lengkap boleh dikemukakan ke alamat berikut:

Setiausaha Bahagian Cukai
Aras 6, Blok Tengah
Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5, Persiaran Perdana Present 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

3.4 Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

(a) Nama : Puan Siti Norazlina binti Seni
Telefon : 03-88823380
Email : norazlina.seni@mof.gov.my

(b) Nama : Puan Adlin Rafizah binti Ab Rahman
Telefon : 03-88824662
Email : rafizah.rahman@mof.gov.my

4. PENUTUP

4.1 Penyedia peralatan studio dan produksi penggambaran yang membuat permohonan pengecualian duti import dan cukai jualan hendaklah memastikan garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya bagi mengelakkan permasalahan dalam permohonan pengecualian.

**Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan Malaysia
April 2023**